

**Terjemahan
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir
al-Qur'an
Dengan
al-Qur'an**

Nota (8)

**Surah al-Baqarah
Ayat 113-141**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

وَقَالُوا كُونُوا هُودًا أَوْ نَصَارَى تَهْتَدُوا قُلْ بَلْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٣٥﴾ قُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنْزِلَ إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَى وَعِيسَى وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾

Dan mereka berkata: “Hendaklah kamu menjadi penganut agama Yahudi atau Nasrani, niscaya kamu mendapat petunjuk.”²¹⁴ Katakanlah: “Sebenarnya kami mengikut agama Ibrahim yang lurus. Dan dia bukanlah dari golongan orang-orang musyrik (seperti kamu).” [135].

Katakanlah (wahai orang-orang yang beriman): “Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami (al-Qur’an), dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim,²¹⁵ Isma’il, Ishaq, Ya’qub dan anak cucunya (berupa Shuhuf),

²¹⁴ Maksudnya ialah orang-orang Yahudi berkata, “Hendaklah kamu menjadi penganut agama Yahudi, niscaya kamu mendapat petunjuk.” Orang-orang Nashara pula berkata, “Hendaklah kamu menjadi penganut agama Nashara, niscaya kamu mendapat petunjuk.” Ia sama sekali tidak bererti masing-masing daripada dua golongan itu memberi pilihan sama ada hendak menjadi Yahudi atau Nasrani. Dengan menganut mana-mana satu daripada dua agama itu manusia akan mendapat petunjuk. Kerana Allah telah berfirman:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ لَيْسَتِ الْنَصَارَى عَلَى شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصَارَى لَيْسَتِ الْيَهُودُ عَلَى شَيْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابَ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ قَوْلِهِمْ فَاللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٣٦﴾

Bermaksud: Dan orang-orang Yahudi berkata: “Orang-orang Nasrani itu tidak mempunyai suatu pegangan (ugama yang benar)”; dan orang-orang Nasrani pula berkata: “Orang-orang Yahudi itu tidak mempunyai suatu pegangan (ugama yang benar)”, sedangkan mereka membaca Kitab Suci masing-masing (Taurat dan Injil). Demikian juga orang-orang yang tidak berilmu pengetahuan (dari kalangan musyrikin ‘Arab) mengatakan seperti yang dikatakan oleh mereka itu. Maka Allah akan mengadili di antara mereka pada hari kiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. (al-Baqarah:113).

²¹⁵ Tidak disebutkan di sini apakah yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim itu, kitabkah atau shuhuf? Di dalam Surah al-A’la tersebut dengan jelas bahawa ia berupa Shuhuf. Di dalamnya juga tersebut sebahagian daripada ajaran yang terdapat di dalam Shuhuf yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim itu. Mari kita lihat ayat-ayat berkenaan di dalam Surah al-A’la:

بَلْ تُؤْثِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ﴿١٣٧﴾ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَى ﴿١٣٨﴾ إِنَّ هَذَا لَفِي الصُّحُفِ الْأُولَى ﴿١٣٩﴾ صُحُفِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى ﴿١٤٠﴾

dan apa yang diberikan kepada Musa (Taurat)²¹⁶ dan 'Isa (Injil)²¹⁷ serta apa yang diberikan kepada nabi-nabi dari Tuhannya. Kami tidak membeza-bezakan seorang pun di antara mereka (seperti kamu yang membeza-bezakannya) dan kami semua adalah Islam (menyerah diri dan hanya tunduk patuh) kepadaNya semata-mata."²¹⁸[136].

Bermaksud: (Tetapi kebanyakan kamu tidak melakukan yang demikian), bahkan kamu mengutamakan kehidupan dunia; (16)

Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal. (17)

Sesungguhnya (keterangan-keterangan yang dinyatakan) ini ada (disebutkan) di dalam Kitab-kitab yang terdahulu, (18)

Iaitu Kitab-kitab Ibrahim dan Musa. (19). (al-A'la:16-19)

²¹⁶ Selain Shuhuf diberikan kepada Nabi Musa seperti tersebut di dalam ayat ke-19 Surah al-A'la yang dikemukakan tadi, Nabi Musa juga diberikan Al-Kitab berdasarkan firman Allah berikut:

ثُمَّ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ تَمَامًا عَلَى الَّذِي أَحْسَنَ وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُمْ بِلِقَاءِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿١٩﴾

Bermaksud: Kemudian (ketahuilah pula bahawa) Kami telah memberikan kepada (Nabi) Musa Al-Kitab (Taurat) untuk menyempurnakan (kemuliaan dan ni'mat Kami) kepada orang yang telah berbuat baik (menjalankan ajaran Kitab itu iaitu Nabi Musa) dan untuk menjelaskan segala sesuatu, serta menjadi petunjuk dan rahmat, supaya mereka beriman kepada pertemuan dengan Tuhan mereka (pada hari akhirat kelak). (al-An'aam:154).

Nama al-Kitab yang diberikan kepada Nabi Musa itu ialah at-Taurat berdasarkan sekian banyak firman Allah yang lain.

²¹⁷ Apa yang diberikan kepada Nabi 'Isa pula ialah Kitab Injil. Ia tersebut dengan jelas di dalam ayat ke-46 Surah al-Maa'idah dan ayat ke-27 Surah al-Hadid. Di bawah ini dikemukakan ayat al-Maa'idah yang dimaksudkan:

وَقَفَّيْنَا عَلَىٰ آثَارِهِم بِعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَآتَيْنَاهُ الْإِنْجِيلَ فِيهِ هُدًى وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا

بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٥٦﴾

Bermaksud: Dan Kami utuskan (Nabi) 'Isa Ibni Mariam mengikuti jejak langkah mereka (Nabi-nabi Bani Israil), untuk membenarkan Kitab Taurat yang diturunkan sebelumnya dan Kami telah berikan kepadanya Kitab Injil, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi, sambil mengesahkan benarnya apa yang telah ada di hadapannya dari Kitab Taurat, serta menjadi petunjuk dan nasihat pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa. (al-Maa'idah:46).

²¹⁸ Adakah perintah Allah ini telah dijunjung oleh orang-orang yang beriman, khususnya generasi awal umat Muhammad? Dan apakah ganjaran yang dijanjikan kepada orang-orang yang menjunjung perintah Allah ini? Tidak jelas tersebut di sini. Tetapi ia tersebut di dalam firman Allah berikut:

فَإِنْ آمَنُوا بِمِثْلِ مَا آمَنْتُمْ بِهِ فَقَدْ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا هُمْ فِي شِقَاقٍ فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٢٨﴾
 صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عِبْدُونَ ﴿٢٩﴾ قُلْ أَتُحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ
 أَعْمَالُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ ﴿٣٠﴾ أَمْ تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ كَانُوا هُودًا أَوْ نَصَارَى قُلْ
 ءَأَنْتُمْ أَعْلَمُ أَمِ اللَّهُ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَتَمَ شَهَادَةً عِنْدَهُ مِنَ اللَّهِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٣١﴾ تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا
 كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَلَا تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٣٢﴾

Jika mereka beriman sebagaimana kamu beriman (dengan Kitab-kitab Allah dan Rasul-rasulNya), maka bererti mereka telah mendapat petunjuk; dan jika mereka berpaling, maka sesungguhnya mereka akan terus berada dalam permusuhan (dengan kamu). Allah akan melindungimu (dan umatmu) dari kejahatan mereka. Dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.²¹⁹ [137].

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ
 رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

Bermaksud: Rasul telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian juga orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya. (Mereka berkata): “Kami tidak membeza-bezakan antara seorang dengan yang lain dari rasul-rasulNya”, dan mereka juga berkata: “Kami dengar dan kami ta’at”. (Kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali.” (al-Baqarah:285).

Ganjaran yang disediakan untuk mereka pula tersebut di dalam firman Allah di bawah ini:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَلَمْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ أُولَئِكَ سَوْفَ يُؤْتِيهِمْ أَجْرُهُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٣٢﴾

Bermaksud: Orang-orang yang beriman kepada Allah dan para rasulNya dan tidak membeza-bezakan seorangpun di antara mereka, kelak Allah akan memberikan kepada mereka pahalanya. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (an-Nisaa’:152).

²¹⁹ Di tempat lain Dia berfirman:

وَإِنْ تَجَهَّرَ بِأَلْفَوْقٍ فَإِنَّهُ يَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى ﴿٧﴾

Bermaksud: Dan jika engkau menyaringkan suara dengan doa permohonanmu, (maka yang demikian tidaklah perlu), kerana sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia dan segala yang tersembunyi. (Thaha:7).

(Ambillah) celupan Allah (ugama Allah); dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? Dan kepadaNya kami menyembah.²²⁰ [138].

Katakanlah: “Apakah kamu hendak berdebat dengan kami tentang Allah, sedangkan Dia adalah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Kami memperoleh balasan dari amalan-amalan kami, dan kamu memperoleh balasan dari amalan-amalan kamu dan kami hanya ta’at dengan ikhlas kepadaNya. [139].

Atau apakah kamu (wahai orang-orang Yahudi dan Nasrani) mahu mengatakan bahawa Ibrahim, Isma’il, Ishaq, Ya’qub dan anak cucunya, adalah penganut agama Yahudi atau Nasrani? Katakanlah: “Siapakah yang lebih mengetahui, kamu atau Allah?”,²²¹ dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan kesaksian yang telah diberikan Allah kepadanya?²²² Dan Allah sekali-kali tidak lalai dari apa yang dilakukan kamu. [140].

²²⁰ Tidak seperti kamu, sekali kamu menyembah Allah, sekali pula kamu menyembah ‘Isa dan ‘Uzair.

²²¹ Tentulah Allah yang lebih mengetahui. Dia menceritakan kepada kami tentang agama anutannya bahawa Ibrahim adalah seorang ahli tauhid, dia bukan Yahudi dan bukan juga Kristian. Lihat firmanNya ini:

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: Bukanlah (Nabi) Ibrahim itu seorang penganut agama Yahudi dan bukan juga dia seorang penganut agama Kristian, tetapi dia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang Muslim (yang ta’at dan berserah bulat-bulat kepada Allah), dan dia juga bukanlah dari golongan orang-orang musyrik. (Aali ‘Imraan:67).

Kamu pula memasukkan ke dalam agamamu sesuatu yang tidak terdapat dalam agama anutan Ibrahim a.s. Allah telah berfirman tentang kamu begini:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهِئُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ

قَبْلَ قَتَلَهُمُ اللَّهُ أَنِّي يُؤْفِكُونَ ﴿٦٨﴾

Bermaksud: Dan orang-orang Yahudi berkata: “Uzair ialah anak Allah”, dan orang-orang Nasrani (pula) berkata: “Al-Masih ialah anak Allah”. Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, mereka meniru perkataan orang-orang kafir yang terdahulu; mereka dila’nat Allah. Bagaimana mereka boleh berpaling sampai begitu dari kebenaran? (at-Taubah:30).

²²² Bahawa Nabi Ibrahim adalah seorang ahli tauhid yang sejati dan dia adalah penentang tegar kesyirikan.

Itulah satu umat yang telah berlalu; mereka memperoleh apa yang mereka usahakan dan kamu memperoleh apa yang kamu usahakan. Dan kamu tidak dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dilakukan mereka.²²³ [141].

²²³ Sesuai dengan prinsip keadilan yang ditetapkan oleh Allah di dalam al-Qur'an, bahawa:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ وَإِنْ تَدْعُ مُثْقَلَةٌ إِلَىٰ جَلِيلٍهَا لَا يَحْمِلُ مِنْهُ شَيْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ إِنَّمَا تُنذِرُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَمَنْ تَزَكَّىٰ فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفْسِهِ ۚ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Dan (ketahuilah), seseorang pemikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain dan jika seseorang yang berat tanggungannya (dengan dosa), memanggil (orang lain) untuk menolong memikul sama bebanan itu, tidaklah akan dapat dipikul sedikitpun daripadanya, walaupun orang yang diminta pertolongannya itu dari kerabatnya sendiri. Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah memberi peringatan kepada orang-orang yang takut (melanggar hukum-hukum) Tuhan semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, serta mereka mendirikan sembahyang dan sesiapa yang membersihkan dirinya (dari segala yang dilarang) maka sesungguhnya dia melakukan pembersihan itu untuk kebaikan dirinya sendiri dan (ingatlah), kepada Allah jualah tempat kembali(mu). (Faathir:18).

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٥٩﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya seseorang manusia itu tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya. (an-Najm:39).